



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

**TEKS AMANAT
KETUA PENGARAH
PLANMalaysia**

PERHIMPUNAN AWAL TAHUN 2025

**PLANMalaysia: ISTIQAMAH, TERUS MELONJAK IKHTIAR
KITA DAN SANTUNI ASEAN DAN ASIA PASIFIK**

19 Februari 2025 (Rabu)

Blok F8, Parcel F, Putrajaya

Bismillahirrahmanirrahim.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan
**Salam PLANMalaysia, Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan
Negara.**

Terima kasih kepada saudara/saudari Pengacara Majlis.

Yang Berusaha TPr Md Nazri bin Abdullah

Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan);

Yang Berusaha TPr Haji Hassan bin Yaakob

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan);

Pengarah - Pengarah Bahagian PLANMalaysia Ibu Pejabat;

Pengarah-Pengarah PLANMalaysia Negeri;

Pengarah – Pengarah Pejabat Projek Zon PLANMalaysia;

Ketua-ketua Unit/ Ketua-ketua Seksyen;

**Pegawai-pegawai Kader dari pelbagai Kementerian dan agensi;
Ketua Biro Media Puspanita (KPKT), serta semua warga
PLANMalaysia yang saya hormati dan sayangi sekalian.**

KATA-KATA ALUAN

1. Pertama-tamanya marilah kita merafak kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat dan keizinanNYA, dapat kita sekali lagi berhimpun dan berkumpul **dalam Perhimpunan Awal Tahun (PAT) 2025.**
2. Izinkan saya memulakan ucapan dengan membaca **Surah Al-Hujurat (Ayat 10).**

جَ إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ
وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Mafrumnya: “Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu serta bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.”

3. Surah al-hujurat (Ayat 10) yang saya bacakan tadi menekankan tentang konsep **pertalian persaudaraan serta kasih sayang sesama Islam dan sesama manusia.** Persaudaraan merupakan satu ikatan yang mana Allah S.W.T. telah mengikatnya di antara orang-orang yang beriman. Persaudaraan ini juga mewajibkan orang beriman untuk menyayangnya sepertimana mereka menyayangi diri mereka sendiri.

4. Dalam hal ini, suka saya memberi peringatan untuk kita, warga PLANMalaysia khususnya, untuk kita **terus mengukuh dan meningkatkan tali hubungan silaturrahim (dengan semangat togetherness dan taawun)** di antara kita, sama ada di peringkat keseluruhan organisasi (jabatan), di peringkat bahagian, unit/seksyen di mana kita bertugas untuk menjalankan amanah dunia yang diakhirnya akan menjadi jambatan ke akhirat.
5. Elakkan sesekali untuk kita bertelingkah, bertengkar dan tidak bertegur sapa dengan rakan-rakan di pejabat. Di dalam hadith, ada dinyatakan bahawa hukum bertengkar sesama Islam ini adalah haram sekiranya tanpa sebab yang syar'ie. Hal ini berdasarkan kepada sebuah hadith Rasulullah SAW (Riwayat Muslim), yakni: ***"Tidak halal bagi seorang muslim untuk tidak bertegur saudaranya melebihi tiga hari."***
6. Semoga Allah S.W.T. menjadikan kita dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang sentiasa menjaga pertalian persaudaraan dengan **sifat-sifat mahmudah**, iaitu disenangi dan menyenangkan rakan dan sahabat, mempunyai keperibadian dan tingkah laku yang unggul, bercakap dan bertindak dengan lemah-lembut, penuh adab dan akhlak, tinggi sikap ikhlas, jujur, amanah dan kesungguhan dalam urusan kerja serta mudah memberi kemaafan atas kesalahan orang lain, rakan-rakan kita.
7. Dalam sesebuah organisasi, kita harus mengambil sikap menjauhi dan mengelak daripada **'peel' dan perangai 'mazmumah'** seperti bercakap secara kasar dan keras, bersifat sombong, 'membawang secara keterlaluan' (termasuk dalam komen-komen di media

sosial), menjadi ‘batu api’ dan menjadi ‘toksik’ yang akan merosakkan keharmonian dan menghancurkan sesebuah organisasi. Kita perlu secara bersama dalam organisasi PLANMalaysia ini untuk kita tanam semangat memperkayakan ilmu, menjaga adab, tertib dan akhlak, istiqamah dan terus melonjak ikhtiar kita demi rakyat dan negara dengan slogan kebiasaan kita ‘**PLANMalaysia – Ke Bukit Sama Kita Daki, Ke Lembah Sama Kita Turuni**’.

Seluruh warga PLANMalaysiaku yang dikasihi sekalian,

8. **Memulakan tahun 2025** dengan penuh inspirasi, izinkan saya memetik kata-kata mutiara Buya Hamka iaitu:

“Riwayat lama tutuplah sudah, sekarang buka lembaran baru. Baik hentikan termenung gundah, apalah guna lama terharu.”

“Biarpun seribu kapal tenggelam di lautan. Namun, cita-cita manusia tidak pernah padam.”

9. Marcapada (*dunia sekarang ini*) yang bergerak pantas, kita tidak boleh mengambil masa terlalu lama untuk mengenang perkara-perkara lepas tetapi seharusnya kita perlu terus berikhtiar dalam melonjak cita-cita jabatan bagi tahun 2025.

YBhg. Dato’, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

10. **“ISTIQAMAH, TERUS MELONJAK IKHTIAR KITA DAN (BERGERAK MENYANTUNI) SANTUNI ASEAN DAN ASIA**

PASIFIK” – merupakan tema perhimpunan kita pada tahun 2025 di mana kita perlu istiqamah dan berikhtiar untuk bersama-sama seluruh jentera kerajaan membawa Malaysia ke persada dunia, khususnya dalam mendokong peranan Negara dalam kepengerusian ASEAN 2025.

11. Sepertimana ucapan YAB Perdana Menteri di dalam ucapan Tahun Baharu 2025 iaitu : -

*“Ternyata menjadi tugas besar Malaysia tatkala memimpin ASEAN tahun ini dengan mengangkat tema **“Keterangkuman dan Kemampanan (Inclusivity and Sustainability)”**, yakni membawa seluruh kekuatan yang ada, seluruh pasukan yang ada sebagai satu kesatuan dan menjamin supaya pembangunan ini terus mampan”*

12. Di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pelbagai program akan dianjurkan di peringkat ASEAN seperti **ASEAN Sustainable Urbanisation Forum (ASUF), ASEAN Mayors Forum (AMF), Meeting of Governors and Mayors of ASEAN Capitals (MGMAC), ASEAN Smart Cities Network (ASCN) Annual Meeting** dan **ASEAN Real Estate Summit (ARES)**.
13. YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di dalam ucapan Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 pada 16 Januari 2025 telah menyeru semua warga kementerian bekerja dengan lebih keras untuk melangkaui kecemerlangan tahun lalu dan mendepani cabaran tahun 2025 untuk terus kekal menjadi

kementerian yang berprestasi tinggi dengan mengetengahkan konsep nilai **GREATER “HEIGHTS”** yang merangkumi:

- (i) **Humility** - nilai merendah diri dan tidak terbuai dengan kejayaan lalu;
- (ii) **Ethics** - etika dalam melaksanakan tugas dan memberi perkhidmatan yang berkualiti;
- (iii) **Integrity** - integriti dalam pengurusan harta negara, bagi mengelakkan pembaziran, penyelewengan, dan ketirisan;
- (iv) **Gung-ho** - semangat dan keghairahan dalam kerja;
- (v) **Honesty** - *honesty is the best policy*;
- (vi) **Teamwork** - satu slogan baru yang diperkenalkan oleh KPKT iaitu #OneDreamOneTeamOneMalaysian kerana *teamwork makes the dream work* - **“Together wE Achieve More (TEAM)”**
- (vii) **Success** - bukan kejayaan individu, tetapi juga kejayaan kolektif di mana bersama-sama berusaha untuk membawa Malaysia ke **greater HEIGHTS**.

14. Sementara, YBhg. Tan Sri Dato’ Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) semasa menyampaikan amanat sulungnya yang bertemakan “Reformasi Perkhidmatan Awam” pada 10 September 2024 telah menyeru semua penjawat awam untuk menghayati dan mendakap kemas nilai **M.A.L.A.Y.S.I.A.** dalam usaha menjayakan reformasi perkhidmatan awam. Nilai M.A.L.A.Y.S.I.A. tersebut adalah:

- (i) **Mesra** - sopan santun dan empati dalam memberikan perkhidmatan;
- (ii) **Adil** - meletakkan sesuatu pada haknya;

- (iii) **Luhur** - memuliakan perkhidmatan dengan komited terhadap pekerjaan;
- (iv) **Amanah** - kejujuran dan keikhlasan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan;
- (v) **Yakin** - percaya dengan kebolehan diri serta semangat berorganisasi;
- (vi) **Setia** - taat dan setia berdasarkan Rukun Negara dan Perlembagaan;
- (vii) **Islah** - sentiasa melakukan pembaharuan dan penambahbaikan; dan
- (viii) **Arif** - mesti berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran.

15. Di kesempatan ini, saya juga ingin menyeru semua warga PLANMalaysia untuk terus bersama-sama membudayakan **gerak kerja “Four plus ONE”** PLANMalaysia dan seiring dengan konsep **HEIGHTS** dan nilai **M.A.L.A.Y.S.I.A.** yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu:

- i. Gerak Kerja 1: Meneruskan Ikhtiar Perancangan Bandar Bagi Merealisasi Malaysia MADANI dan Mengangkat Visibiliti PLANMalaysia Di Peringkat Negara dan Global;
- ii. Gerak Kerja 2: Memperteguh PLANMalaysia Selaras Dengan Aspirasi Bidang Fokus Utama KPKT;
- iii. Gerak Kerja 3: Memantapkan Tatakelola Perancangan Melangkaui Kelaziman;
- iv. Gerak Kerja 4: Meningkatkan Liputan Media yang Lebih Terangkum dan Tersohor; dan
- v. **Gerak Kerja 5** : Memperkasa Tatakelola Perancangan Untuk “Ease of Doing Business” di Malaysia.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

RETROSPEKTIF PLANMALAYSIA 2024

16. Mengimbau pencapaian PLANMalaysia tahun 2024, sudah tentu banyak yang telah kita rangkul bersama. Malah KPKT juga telah mengungguli **empat (4) anugerah** termasuk **Anugerah Pembangunan Negara (APN)** sempena Majlis Anugerah Pembangunan Negara (APN) Tahun 2024 pada 12 November 2024. APN ini dianugerahkan kepada kementerian yang berjaya mencapai prestasi cemerlang dalam pelaksanaan *Industrialised Building System (IBS)*, pengurusan program/ projek pembangunan dan penilaian outcome. **PLANMalaysia** telah menerima anugerah tersebut di bawah kategori **Anugerah Khas Penilaian Outcome Pencapaian Konsisten** melalui Penilaian Outcome Projek *Showcase Transit Oriented Development (TOD)* di Stesen LRT Cempaka, Ampang. Ia mengiktiraf daya usaha berterusan jabatan untuk mengekalkan pencapaian penilaian outcome di tahap prestasi tinggi iaitu melebihi 90% bagi tempoh tiga tahun berturut-turut.
17. Tahun 2024 juga merupakan tahun istimewa kepada jabatan kerana saya telah **dianugerahkan Region Smart City Awards 2024: Leadership Categories – Expert** oleh *Tomorrow City Fira Barcelona* bersempena *Smart City Expo World Congress 2024* di Hangzhou, China pada 25 hingga 29 September 2024. Kejayaan yang diraih ini bukanlah kejayaan saya seorang tetapi semestinya kejayaan kolektif kepada semua warga jabatan, ini adalah hasil kerja keras kita terutamanya Pusat Perancangan Bandar Pintar,

PPZT (PLAN-BP) di atas komitmen dan inisiatif yang sedang dilaksanakan ke arah mencapai *Smart Nation* menjelang 2040.

18. Selain itu, 2024 turut membuka lembaran sejarah baharu kepada jabatan dengan pelantikan **Encik Mohd. Sukuran bin Taib** sebagai **Ketua Pegawai Eksekutif di Perbadanan Labuan** berkuatkuasa pada 15 November 2024. Pelantikan beliau bukan sekadar satu penghormatan kepada jabatan, tetapi juga merupakan satu pengiktirafan terhadap kebolehan dan kompetensi pegawai-pegawai yang semakin mendapat kepercayaan YBhg. Tan Sri KSN sendiri dan kementerian lain.
19. Saya juga mengambil kesempatan ini dengan bangganya memaklumkan pada 20 Januari 2025, KPKT melalui PLANMalaysia telah merangkul **Anugerah Sijil Penghargaan bagi pelaksanaan Projek Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB): Mempercepatkan Kelulusan Sijil Perakuan Rundingan (di bawah Seksyen 20A Akta 172) bagi Projek Klinik Daif daripada 21-81 hari kepada 15 hari.**
20. PLANMalaysia terus melonjak memacu kejayaan melalui penerimaan anugerah sempena **Malam Anugerah MIPPEA (Malaysian Institute of Planners Planning Excellence Awards) 2024 pada 24 Januari 2025.** Tahniah diucapkan kepada:
 - i. **Bahagian Perancangan Wilayah (BPW)** di atas penganugerahan **Gold Award** bagi kategori **Strategic Planning** untuk Projek Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (PeGTaECRL); dan

- ii. **PLANMalaysia Selangor** di atas penganugerahan ***Gold Award for Heritage and Conservation (Study) for Gombak-Hulu Langat Geopark (GHLGp) as National Geopark*** dan ***Bronze Award for Strategic Planning (National, Regional and State Level) for Pelan Induk Pembangunan Pulau Carey, Kuala Langat, Selangor.***
 - iii. **TPr Fauziah binti Abd Jalil** atas Anugerah **Young Planner of the Year.**
21. Ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua warga PLANMalaysia sama ada di peringkat Ibu Pejabat, PLANMalaysia Negeri dan Pejabat Projek Zon. Tidak lupa juga pegawai-pegawai kader kita yang berkhidmat sama ada di Unit Pusat Setempat (OSC) mahupun di kementerian yang telah berperanan sebagai pengantara atau “**duta kecil PLANMalaysia**” dalam menjalankan bidang tugas masing-masing.
22. Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada dua (2) orang pegawai muda yang telah dilantik menganggotai **Jawatankuasa MIP Youth Wing** bagi penggal 2025 sehingga 2027 iaitu:
- i. Encik Khairil Afiq bin Ahmad - Deputy Chairman (Public); dan
 - ii. Encik Mohd Parhan bin Subri - Secretary.

Saya berharap dan sangat menggalakkan pegawai-pegawai muda di jabatan tampil menyertai organisasi atau pertubuhan profesional perancang bandar seperti MIP sebagai landasan untuk latihan

kepimpinan sekaligus meningkatkan ilmu pengetahuan dalam profesion ini. Saya juga menyeru kepada semua pegawai untuk bersikap lebih aktif dengan menyertai program-program yang dianjurkan oleh MIP dan badan-badan lain pada masa akan datang.

23. Sepanjang tahun 2024, dua (2) kajian Rancangan Pemajuan Nasional iaitu **Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5)** dan **Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3)** telah mula dijalankan dan dijangka akan dimuktamadkan pada bulan Oktober 2025. Rancangan Pemajuan Nasional ini akan menjadi agenda dan ikhtiar perancangan bandar utama dalam meneraju halatujua pembangunan negara yang lebih mampan, inklusif, dan berdaya tahan selaras dengan kerangka **Ekonomi MADANI : Memperkasa Rakyat - “*Raise The Floor, Raise The Ceiling, Building A Better Malaysia Together*”** di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Selain itu, kajian berkepentingan nasional seperti rangka kerja bagi **Kajian Perancangan Spatial Marin Negara** juga telah diluluskan di Mesyuarat MPFN pada 23 Oktober 2024 bagi memacu pelaksanaan **Ekonomi Biru (*Blue Economy*)** dan tatakelola kelautan negara.
24. Seterusnya, perbelanjaan peruntukan pembangunan (P43) jabatan pada tahun 2024 adalah **sebanyak RM 21.2 juta (RM 21,217,725.96) (99.47%)** daripada jumlah keseluruhan peruntukan iaitu RM 21.3 juta (RM 21,330,924.00) melibatkan 18 projek manakala perbelanjaan mengurus (B43) pula adalah **sebanyak RM59.9 juta (RM59,904,466.97) (100.01%)** daripada jumlah keseluruhan peruntukan iaitu RM 59.8 juta (RM 59,897,152.32).

25. Selain itu, Garis Panduan Perancangan (GPP) iaitu **GPP Kilang Tanaman (KiTa) dan GPP Pusat Data** yang disediakan berjaya mendapat perhatian YB Menteri KPKT di mana beliau telah menyempurnakan majlis pelancaran dan sidang media yang diadakan.
26. Selain itu, kita juga perlu sentiasa **'raise the bar'** dan berusaha ke arah menetapkan penanda aras serta mengangkat projek berimpak tinggi ke tahap tersohor melalui pelancaran **Malaysia Urban Observatory (MUO) Analytics Centre (MAC)** pada 4 Disember 2024 sempena **Program Sentuhan Kejayaan KPKT 2024** sebagai lonjakan paradigma dalam perancangan bandar. MUO *Analytic Centre* merupakan platform data besar bernilai RM28 juta telah siap sepenuhnya lebih awal dari jadual yang ditetapkan. MUO akan terus diuar-uarkan sebagai Pusat Data Raya Perancangan Pembangunan Negara yang membantu mempercepat perancangan bandar mampan dan pintar serta menyokong matlamat pembangunan negara ke arah **Smart Nation 2040** dengan *tagline* **"Planning Big Data Towards Smart Nation"**.
27. Bagi mengukuhkan urus tadbir perancangan bandar, **Draf Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (RUU PSB)** dan **Rang Undang-Undang Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2025** telah dilaksanakan melalui lebih **71 sesi libat urus** bersama pihak-pihak berkepentingan dan pemain-pemain industri. Kedua-dua RUU tersebut sedang di dalam semakan Jabatan Peguam Negara dan dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun ini. Sejajar dengan usaha kerajaan untuk mencari sinergi bagi memudahkan urusan pemajuan dan pelaburan berteraskan polisi

perancangan fizikal, ***Planning Advisory Management Office (PAMO)*** telah ditubuhkan. Malahan, pegawai kita di PLANMalaysia telah dilantik sebagai ahli *Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC)* iaitu pusat memudahkan pelaburan Malaysia dan pusat sehati bagi hal-hal berkaitan pelaburan di Ibu Pejabat MIDA, MITI berkuatkuasa pada 1 November 2024.

28. Semestinya pencapaian jabatan adalah hasil yang dituai daripada pembangunan modal insan pegawai-pegawai di PLANMalaysia. Bagi tahun 2024, seramai **42 pegawai telah berjaya menghadiri 23 program atau latihan di luar negara**. Saya ingin menyeru lebih ramai pegawai untuk merebut peluang memohon dan menyertai program latihan dan kursus luar negara. Ini bukan sahaja memperkukuhkan ilmu pengetahuan diri, tetapi juga membawa pulang idea-idea inovatif yang dapat disesuaikan dengan konteks Malaysia. Sokongan padu dan kepercayaan penuh jabatan akan sentiasa diberikan kepada pegawai yang berusaha memperteguh agenda dan ikhtiar perancangan bandar.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

IKHTIAR PERANCANGAN TAHUN 2025

A) REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

29. Bagi tahun 2025 ini, mengambil bait lagu Semangat Juara oleh Faizal Tahir:

***Keep it up and don't give up
We're the best so let's not stop
We can make it to the top (top, top, top, top).***

30. Oleh itu, ayuh kita terus melangkah laju dan istiqamah ke hadapan untuk terus **menyahut cabaran dan senada dengan Reformasi Perkhidmatan Awam** seperti yang telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Ketua Setiausaha Negara (KSN) semasa Majlis Amanat beliau pada 20 Januari yang lalu.
31. Seperti yang dilontarkan YBhg. Tan Sri Dato' KSN, saya ingin menyeru semua warga jabatan yang dikasihi untuk bersama-sama menumpukan kepada tiga (3) fokus utama 2025:
- i. **Memantapkan Pemboleh daya Reformasi;**
 - ii. **Memperkukuh Nilai dan Tatakelola;** dan
 - iii. **Mempertingkatkan Sinergi Strategik Persekutuan-Negeri dan Antarabangsa.**

i) **Memantapkan Pemboleh Daya Reformasi**

32. Bagi fokus pertama Memantapkan Pemboleh Daya Reformasi, **tiga (3) pemboleh daya baharu telah** diperkenalkan pada tahun ini.
33. **Pertama: Pengurusan Projek.** Saya menyeru semua pengurus projek dan pihak UPP khususnya untuk meneliti dan memantau projek-projek yang telah diluluskan di bawah peruntukan pembangunan **P43 sebanyak RM20.25 juta bagi 20 projek iaitu RM14.9 juta bagi 13 projek sedia ada (baharu) dan siling RM 5.35 juta bagi tujuh (7) projek baharu.** Projek-projek ini hendaklah memberikan manfaat dan kelebihan sewajarnya kepada Kerajaan dan rakyat.

34. Bercakap mengenai pengurusan projek yang efektif, saya ingin mengucapkan tahniah kepada jabatan melalui KESPERB yang berjaya menganjurkan ***Masterclass Strategic Spatial Planning*** bersama MIP pada 6 Februari 2025 yang lalu. Program ini merupakan salah satu usaha dan inisiatif berterusan dalam memperkasa dan mempertingkatkan kualiti profesion Perancang Bandar di Malaysia terutamanya dalam melahirkan lebih banyak pakar subjek (subject matter expert) terutamanya aspek *strategic planning* dan *forward planning* dalam menjalankan kajian PLANMalaysia bagi tahun 2025.
35. **Kedua: Pengurusan Kewangan.** Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2025 yang telah diterima oleh jabatan adalah **RM 59.4 juta (RM 59,462,800.00) bagi Dasar Sedia Ada dan RM 448 ribu (RM 448,100.00) bagi Program Khusus - Emolumen Kakitangan Kontrak (MyStep)**. Oleh itu saya memohon semua yang terlibat merancang dan melaksanakan perbelanjaan berhemah dalam menjalankan keperluan operasi bahagian.
36. **Ketiga: Pengantarabangsaan.** Seperti yang saya ucapkan sebentar tadi, jabatan akan terus melonjakkan ikhtiar di peringkat antarabangsa dengan menyantuni ASEAN dan Asia Pasifik pada tahun ini seiring dengan tahun kepengerusian ASEAN. Semestinya, semua bahagian, pejabat projek dan PLANMalaysia Negeri perlu bersama-sama merebut peluang keemasan ini dengan menganjurkan pelbagai **program webinar** untuk **mempromosi amalan perancangan terbaik** di peringkat ASEAN dan Asia Pasifik termasuk menjelang **OSAKA World Expo 2025**. Malah, peluang ini juga boleh diteliti untuk dilaksanakan melalui penganjuran program-

program sosial seperti pendakian gunung atau aktiviti rekreasi yang lain dan sebagainya.

37. Bagi pegawai-pegawai di jabatan yang boleh berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris, manfaatkanlah kelebihan tersebut untuk menjadi pegawai perhubungan (liaison officer) di program kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 KPKT.

ii) **Memperkukuh Nilai Dan Tatakelola**

38. Fokus kedua iaitu Memperkukuh Nilai dan Tatakelola memberi penekanan terhadap perlunya kita melaksanakan reformasi bagi memberi dampak yang positif. Saya selaku pemimpin atau ketua jabatan adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memastikan reformasi ini dilaksanakan secara berkesan.
39. Dalam hal ini, syukur Alhamdulillah Jabatan kita masih kekal dalam **penarafan risiko sebagai agensi berisiko rendah** berdasarkan penilaian tiga (3) tahun iaitu 2020-2023. Selain itu, Jabatan juga dengan jayanya telah diperaku oleh SIRIM QAS Berhad untuk meneruskan **pensijilan MS ISO 37001:2016 Anti-Bribery Management System (ABMS)** untuk tahun ke-tiga.

iii) **Mempertingkatkan Sinergi Strategik Persekutuan-Negeri dan Antarabangsa**

40. Fokus ketiga adalah **Mempertingkatkan Sinergi Strategik Persekutuan-Negeri dan Antarabangsa**. Fokus ini bukanlah satu

perkara asing di jabatan dan telah dilaksanakan sehingga ke akar umbi.

41. Penyediaan rancangan pemajuan, kajian berkepentingan nasional, garis panduan perancangan, inisiatif OSC 3.0 Plus, **urusan rundingan 20A**, pindaan rang undang-undang dan pelan tindakan bandar pintar adalah antara produk-produk utama jabatan yang telah dihasilkan melalui sinergi strategik antara jabatan di peringkat persekutuan bersama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.
42. **Bagi perancangan 2025**, jabatan akan memfokuskan kepada inisiatif-inisiatif berikut:
 - i. Draf Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5);
 - ii. Draf Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3);
 - iii. Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa Malaysia (S-CHARMs);
 - iv. Perancangan Spatial Marin Negara (MSP) bagi menyokong Ekonomi Biru (RMKe-13) dan tatakelola kelautan negara;
 - v. Kertas Konsep *Sponge City (Nature-Based Solutions in Urban Planning for Malaysian Cities)*;
 - vi. **Pelan Tindakan Khas (PTK)** memfokuskan kepada peringkat ke-4 perancangan (*4th tier planning*), bertindak sebagai instrumen perancangan yang menjadikan perancangan bandar itu lebih responsif, empati, kreatif dan adaptif bagi mencapai *perfection of spatial planning* antaranya melalui penambahbaikan *street furniture*, *pewujudan place making* dan *open space*.

- vii. Sebanyak **enam (6) Garis Panduan Perancangan (GPP)** akan disediakan iaitu;
- GPP Perindustrian
 - GPP Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS)
 - GPP Perdagangan
 - GPP dan Pengurusan Unsur Nadir Bumi – pembentangan ke MJM
 - GPP Ladang Solar - pembentangan ke MJM
 - **Kajian Pengukuhan Mekanisme Pelaksanaan Kemudahan Masyarakat** yang akan dibentangkan kepada YBhg. Tan Sri KSN dalam tempoh terdekat.
- viii. Pembentangan **Draf RUU PSB** di Parlimen yang mana kita menjangkakan akan dibentangkan ke Parlimen di Mesyuarat Ke-2 pada Jun akan datang;
- ix. Peneraju perancangan pembangunan (*development planning facilitation*) kepada **Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC)**, MIDA;
- x. **Pelaksanaan Penilaian Kemampanan 120 Bandar** (MURNInets) selaras dengan sasaran RMKe12;
- xi. Penyediaan **Dashboard MUO** dengan agensi di bawah KPKT melalui **analitik descriptive, predictive and prescriptive** antaranya melibatkan *sanitary landfill*, lokasi balai bomba, data perumahan dan tanah lapang awam;

- xii. Meneruskan **urusan rundingan 20A**, Akta 172 (pengukuran proses dan tatacara yang akan dibentangkan di Mesyuarat STAR); dan
 - xiii. Pembangunan **inventori tapak-tapak kemudahan masyarakat** di dalam Sistem Maklumat Gunatanah Negara (I-PLAN).
43. Susulan daripada Program Santuni MADANI, sinergi strategik antara Persekutuan dan negeri juga turut melibatkan pelaksanaan **Program Kampung Angkat MADANI** yang diteruskan pada tahun 2025 dengan sasaran 200 kampung dengan peruntukan sebanyak RM200 juta. Inisiatif ini akan diterajui oleh semua Ketua Setiausaha, Ketua Perkhidmatan, **Ketua Pengarah**, Naib Canselor Universiti dan terbuka kepada CEO Badan Berkanun Persekutuan untuk menggembleng tenaga merentas kementerian serta bekerjasama dengan GLC, GLIC dan badan swasta bagi melengkapkan sasaran 200 Kampung Angkat MADANI.
44. Justeru, saya selaku Ketua Jabatan akan meneraju inisiatif tersebut dengan peruntukan MOF (B11) di bawah Belanja Mengurus (OE) sebanyak **RM1 juta (tambahan RM200 ribu sekiranya melibatkan TVET)** dan memilih **Kampung Tanjung Gelam**, Mengabang Telipot, Kuala Nerus, Terengganu sebagai *real **showcase projek fizikal Pelan Tindakan Khas Kampung Tanjung Gelam*** dalam konteks melengkapi kemudahan asas desa secara holistik termasuk program kemasyarakatan bersama-sama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Pejabat Daerah Kuala Nerus, JPS, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur dan wakil penduduk.

B) PLANMALAYSIA YANG TERSOHOR DAN PENGHASILAN LIPUTAN MEDIA YANG LEBIH TERANGKUM

45. Saya suka menegaskan bahawa kita tidak boleh berpuas hati, atau *complacent* dengan apa yang kita capai sekarang iaitu “**Top 5 Jabatan/ Agensi kandungan media sosial terbaik di KPKT**”. Banyak usaha lagi perlu dibuat bagi meningkatkan **visibiliti dan kepentingan Jabatan terutamanya kepada rakyat**.
46. Untuk tahun 2025, kita akan mensasarkan liputan media yang lebih terangkum, mempergiatkan lagi program **pengantarabangsaan** khususnya yang melibatkan **program-program Kepengerusian ASEAN**. Malah, **kolaborasi, kerjasama strategik** serta **sesi libat urus yang lebih kreatif dan holistik** perlu dipergiatkan lagi. Kolaborasi bersama agensi pelaksana seperti PBT dalam pelaksanaan projek seperti *Smart City, Healthy City, Safe City* dan sebagainya.
47. Kita perlu terus meningkatkan usaha untuk sekurang-kurangnya kekal berada dalam 5 kedudukan **kandungan media sosial terbaik** atau memperbaiki kedudukan di kalangan jabatan/agensi KPKT.

PENUTUP

48. Akhir kalam, suka untuk saya mengingatkan bahawa perancangan ini bukan untuk generasi sekarang sahaja tetapi juga mencakupi generasi masa hadapan.

49. Jangan sesekali kita ragu akan keupayaan diri mencapai hasrat dan impian seperti ungkapan sasterawan negara A. Samad Said:

“yang dihaajat, tapi tak dapat, adalah nikmat, yang paling padat”

50. Bersama kita jadikan perubahan-perubahan kecil dalam kehidupan sehari-hari menyumbang kepada tindakan untuk mencapai hasrat yang lebih besar. Mari kita melangkah dengan semangat seperti gelombang api yang membara untuk mencipta perubahan yang positif seraya mencapai impian dan visi jabatan yang diimpikan.
51. Kita perlu bekerja dengan lebih tekun dan bersungguh-sungguh, dan bermula Disember lepas kita telah menikmati kenaikan gaji baharu selaras dengan **Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)**. Jadi, kita tidak boleh berada di tahap yang selesai, kita perlu sentiasa memupuk konsep **Itqan Fil Amal – strive for excellence** yang bermaksud bersungguh-sungguh dalam setiap pekerjaan. Tetapi suka untuk saya tekankan kesimbangan dalam hidup, *work-life balance*. Setiap petang saya lihat ramai warga kita yang *brist walk*, ke gym dan KESPERB juga telah menganjurkan aktiviti zumba. Aktiviti ini juga dapat membina ukhuwah sesama kita walaupun sibuk bekerja kita masih kekal sihat dan aktif.
52. Saya yakin dengan izin Allah, PLANMalaysia akan terus unggul di persada negara dan antarabangsa dengan kecemerlangan perkhidmatan perancangan bandar dan desa serta juga terkenal dengan nilai jati diri warganya yang berintegriti dan profesional yang kalis cabaran masa hadapan.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

53. Patah tumbuh, hilang berganti, namun yang tumbuh tak serupa yang patah. Hari ini juga, dengan penuh rasa hiba dan penghargaan, saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada TPr Haji Hassan bin Yaakob atas **jasa dan pengorbanan selama hampir 30 tahun** beliau berkhidmat dengan penuh dedikasi, komitmen, dan keikhlasan dalam perkhidmatan awam.
54. Semestinya saya akan merasakan kehilangan seorang rakan dan insan yang begitu berjasa setelah berkerja rapat dengan beliau sejak beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) pada 13 April 2022. Jika dikira bilangan hari dari tarikh tersebut sehingga ke hari ini, beliau telah bersama-sama saya di pengurusan tertinggi **selama 1,043 hari**, tentunya usaha dan titik peluh yang telah dicurahkan sepanjang tempoh ini telah memberi kesan yang besar, bukan sahaja kepada organisasi, tetapi juga kepada masyarakat yang menerima manfaatnya.
55. Sekali lagi, terima kasih kepada beliau atas segala-galanya dan semoga TPr Haji Hassan bin Yaakob diberi kesihatan yang baik dan dalam rahmatNya senantiasa bersama ahli keluarga.

56. Saya akhiri ucapan dengan dua (2) rangkap pantun:
(nukilan TPr Rosmizawati binti Mohamed Salleh)

**Pohon palma tumbuh meliar,
Anak angsa main di paya,
Terus istiqamah melonjak ikhtiar,
Semoga usaha membuah jaya.**

**Berpagi-pagian memasang joran,
Pancing ikan di tepi tasik,
Tahun kepengerusian jadi sandaran,
Santuni ASEAN dan Asia Pasifik.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarokatuh.